



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

SAMBUTAN HARI ASEAN KE-56 *PROMOTING REGIONAL SUSTAINABLE GROWTH* 8 OGOS 2023

Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama *Sejahtera Centre for Sustainability and Humanity*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menganjurkan sambutan Hari ASEAN ke-56 pada 8 Ogos 2023. Sambutan Hari ASEAN ini akan diadakan di Pusat Kebudayaan UIAM di Gombak, Selangor dengan tema ***Promoting Regional Sustainable Growth***.

Tema sambutan Hari ASEAN menggariskan kepentingan usaha-usaha bersama ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) untuk kepentingan semua terutamanya apabila dunia sedang berhadapan dengan geo-politik dan ekonomi global yang tidak menentu yang memberi kesan kepada kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat.

Sambutan Hari ASEAN memberi peluang kepada UIAM untuk mempamerkan usaha *Sejahtera Centre* dalam menginsankan pendidikan melalui SDGs. Selain itu, terdapat juga pameran yang melibatkan syarikat-syarikat tempatan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) yang akan mengetengahkan penyelesaian-penyelesaian inovatif mereka dalam agenda kelestarian untuk menyokong pembangunan sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Kerjasama ini akan dapat membantu mengetengahkan usaha-usaha pelbagai sektor di Malaysia mempromosi kemampanan dan kelestarian ke arah menyumbang kepada strategi pembangunan Malaysia dalam melaksanakan SDGs. Di peringkat nasional, usaha-usaha tersebut adalah lanjutan daripada usaha-usaha bersama ASEAN untuk mempromosi penglibatan komunal dalam memajukan pembangunan ekonomi mampan dan inklusif di rantau ini, selaras dengan tema Pengerusi ASEAN 2023 “***ASEAN Matters: Epicentrum of Growth***”.



WISMA PUTRA

Sambutan Hari ASEAN akan melibatkan penyertaan wakil-wakil dari Perwakilan-perwakilan Diplomatik Negara-negara Anggota ASEAN dan Rakan-rakan Luar ASEAN, Organisasi Antarabangsa, Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), para pelajar dan media di Malaysia.

PUTRAJAYA

8 Ogos 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my